



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN  
KNOWLEDGE TRANSFER GRANT  
SCHEME PTJ (KTGS@PTJ)**

(TAHUN 2023)

## ISI KANDUNGAN

NO.	TAJUK/PERKARA	M/S
1	<b>LATAR BELAKANG DAN TUJUAN</b>	3
2	<b>BIDANG TUMPUAN</b>	3
3	<b>JENIS PROGRAM KOMUNITI</b>	3
4	<b>KRITERIA PERMOHONAN</b>	4
5	<b>TATACARA PROSES PERMOHONAN</b>	5
6	<b>PERATURAN KEWANGAN PERMOHONAN</b>	6
7	<b>PEMANTAUAN DAN PELAPORAN</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelaporan secara borang (laporan kemajuan berkala setiap 6 bulan &amp; laporan akhir)</li><li>• Pelaporan dalam sistem Hi Staf UPM</li></ul>	8
8	<b>PENILAIAN PERMOHONAN</b>	8
9	<b>PROSES PENILAIAN</b>	9
10	<b>PENERBITAN DAN PUBLISITI</b>	9
11	<b>LAMPIRAN</b>	9

## **GARIS PANDUAN KNOWLEDGE TRANSFER GRANT SCHEME PTJ (KTGS@PTJ)**

### **1. LATAR BELAKANG DAN TUJUAN**

KTGS@PTJ merupakan inisiatif Pejabat Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) yang mewujudkan peluang kepada PTJ untuk menjalankan projek-projek komuniti menggunakan dana Tabung Amanah JINM PTJ dalam bentuk geran komuniti. Geran KTGS@PTJ ini disasarkan untuk menyumbang kepada Matlamat Universiti ke-3 UPM iaitu Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat dan KPI geran pengembangan universiti serta data pelaporan *Malaysia Research Assessment (MyRA)*.

Tujuan skim geran ini juga adalah untuk membentuk para pegawai akademik dalam menyampaikan dan memindahkan ilmu hasil dari penyelidikan mereka kepada komuniti sasaran.

### **2. BIDANG TUMPUAN KTGS@PTJ**

Pembiayaan geran KTGS@PTJ adalah berdasarkan bidang tumpuan utama universiti / Kluster yang telah dikenal pasti di bawah JINM UPM seperti berikut:

- i. Komuniti Setempat
- ii. Komuniti Pertanian
- iii. Belia
- iv. Warga emas
- v. Pesakit kanser
- vi. Orang Asli
- vii. Pendidikan kanak-kanak

### **3. JENIS PROGRAM KOMUNITI**

Jenis program yang ingin dijalankan mestilah berdasarkan program-program berikut:

- a. Bandar Hijau Serdang
- b. Jaringan Antarabangsa
- c. Kesejahteraan Komuniti
- d. Pembangunan Modal Insan
- e. Penghayatan Alam dan Budaya
- f. Program Inkubasi
- g. Program Inovasi dan Reka cipta
- h. Program Kanser
- i. Program Pembangunan Halal
- j. Program Pembangunan Orang Asli
- k. Program Pembangunan Usahawan
- l. Khidmat Pengembangan dan Komuniti
- m. Program Warga Emas
- n. Sekolah Angkat

#### **4. KRITERIA PERMOHONAN KTGS@PTJ**

Geran ini terbuka kepada pegawai UPM dengan syarat-syarat berikut:

1. Pemohon merupakan pegawai akademik tetap atau kontrak (Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah Kanan, Pensyarah. Sekiranya pegawai kontrak mestilah dalam tempoh sah kontrak sehingga projek tamat. Kakitangan kontrak perlu kemukakan *contractual document* sebagai bukti status perkhidmatannya.

*\*Penglibatan pegawai akademik tetap bersama juga adalah wajib sekiranya pemohon merupakan pegawai akademik kontrak.*

2. Pegawai akademik yang sedang bercuti belajar/sabatical tidak layak untuk memohon geran ini; walau bagaimanapun beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan projek.
3. Pegawai bukan akademik kumpulan pengurusan dan professional (P&P) (melibatkan bidang kepakaran pegawai tersebut cth:Pegawai Penyelidik, Pegawai Sains, Pegawai Pertanian) juga adalah dibenarkan untuk memohon geran KTGS@PTJ (sebagai ketua projek).
4. Setiap projek yang dicadangkan perlu mempunyai bukti kerjasama dengan rakan strategik seperti yang tertera dalam bidang tumpuan KTGS@PTJ.
5. Projek mestilah menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti dan memberi impak sosio-ekonomi kepada rakan strategik.
6. Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu produk atau penemuan daripada hasil penyelidikan bagi mewakili aspek yang akan dipindahkan berkaitan dengan permohonan (sekiranya ada).
7. Projek mestilah berdasarkan bidang kepakaran oleh ketua projek dan ahli akademia bersama. Ilmu yang dipindahkan juga perlu dilaksanakan oleh ketua dan ahli projek sendiri tanpa mengubah kepakaran pihak luar.

## **5. TATACARA PROSES PERMOHONAN GERAN**

1. Permohonan dibuka tertakluk kepada kedudukan kewangan dan peruntukan yang sedia ada dalam Tabung Amanah JINM PTJ.
2. Tempoh projek adalah selama 12 bulan (minimum 6 bulan).
3. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan mengikut format yang disediakan oleh urusetia geran UCTC. Pemohon dikehendaki memuat turun borang permohonan KTGS@PTJ dari laman web UCTC.
4. Jumlah peruntukan yang dipohon adalah minimum RM5,000.00 (\*Tertakluk kepada kelulusan semasa di peringkat PTJ)
5. Borang permohonan yang lengkap dan diperakukan oleh Ketua di PTJ masing-masing perlu dihantar kepada pihak urusetia geran UCTC untuk penilaian dan kelulusan.
6. Proses penilaian permohonan adalah di peringkat urusetia geran UCTC dan jawatankuasa penilaian. Kelulusan akhir permohonan yang berjaya adalah tertakluk pada pihak urusetia geran UCTC dan jawatankuasa penilai (tertakluk pada hasil penilaian yang dijalankan).

*\*\*Sekiranya borang permohonan perlu pindaan hasil penilaian yang dijalankan, pemohon perlu kemukakan terlebih dahulu kepada pihak urusetia geran UCTC untuk semakan semula*

7. Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh pihak urusetia geran UCTC UPM.
8. Sekiranya perlu pelanjutan projek, ketua projek wajib memohon secara rasmi kepada pihak urusetia geran UCTC satu (1) bulan sebelum tamat projek dengan menyatakan justifikasi yang kukuh (lampirkan bersama status pelaporan kemajuan berkala yang terkini).

## **6. PERATURAN KEWANGAN PERMOHONAN SKIM GERAN**

### **Vot 11000: Upah dan elaun**

- Bayaran upah dan elaun (kepada enumerator sahaja) dibenarkan tidak melebihi 15% dari keseluruhan geran yang ditawarkan.
- Bayaran one-off upahan kepada enumerator memberikan perkhidmatan khas dengan tempoh maksimum adalah dibenarkan tertakluk kepada prosedur Bendahari UPM. Lantikan enumerator adalah mengikut amalan sedia ada yang dilaksanakan di PTJ yang mana lantikan perlu mendapat kelulusan ketua PTJ atau Dekan Fakulti terlebih dahulu.

### **Vot 21000: Perjalanan dan pengangkutan**

- Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan serta sara hidup (elaun makan & minum – sekiranya tidak disediakan / diluar aktiviti rasmi yang dijalankan).
- Siling perbelanjaan 20% dari keseluruhan geran termasuk perbelanjaan bagi menghadiri konferensi/seminar/bengkel/lawatan ke lapangan.

### **Vot 24000: Sewaan**

- Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan program sahaja. Sewaan pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat berlesen sahaja.

*\*sewaan kenderaan pengangkutan tidak digalakkan sekiranya terdapat kemudahan kenderaan PTJ UPM yang disediakan.*

### **Vot 26000: Bekalan dan bahan projek**

- Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan program sahaja dibenarkan.
- Merekodkan pembelian semua bekalan dan bahan-bahan yang berharga kurang dari RM500.00 setiap satu, tetapi tidak dijeniskan sebagai harga/aset. Ianya meliputi perkara-perkara seperti bahan-bahan kimia, bahan-bahan pakai habis, alat kaca untuk program dan lain-lain bahan berkaitan dengan program. Catatan: Pembelian peralatan kecil/inventori perlu menyediakan justifikasi pembelian bahan-bahan yang sangat diperlukan sebagai ‘item menarik’, perkara ini tertakluk kepada prosedur Bendahari UPM.

*\*Item menarik- (merupakan item nyata dan harga dibawah RM 3000,00 tetapi tidak dikira sebagai aset).*

*\*item menarik adalah item yang penting dan perlu dibeli untuk digunakan dalam pelaksanaan projek komuniti tersebut dan bukan untuk penjanaan pendapatan serta bukan untuk edaran secara umum. (perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dan dimaklumkan di dalam kertas kerja borang permohonan)*

## **Vot 29000: Perkhidmatan Ikhtisas**

- Merujuk kepada perbelanjaan semua perkhidmatan yang dibeli dan hospitaliti seperti fotokopi, percetakan, insurans, analisis sampel, pemprosesan data dan lain-lain berkaitan program sahaja.

## **7. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN PROJEK KTGS@PTJ**

- **Laporan Kemajuan Berkala (LKB):** setiap 6 bulan (Pelaporan perlu menggunakan format pelaporan yang disediakan (muat turun daripada laman web UCTC UPM dan dihantar dalam bentuk salinan lembut melalui emel ke [uctc.ktgspjt@upm.edu.my](mailto:uctc.ktgspjt@upm.edu.my)).
- Pelaporan ini juga hendaklah di muatnaik ke dalam sistem hi-staf.
- **Laporan Akhir:** 3 bulan selepas tamat tempoh projek. Perlu melampirkan bersama perkara di bawah;
  - Laporan dalam bentuk salinan keras. (mengikut format yang di sediakan dan boleh dimuat turun daripada laman sesawang UCTC)
  - Video dan gambar projek yang dijalankan.

## **8. PENILAIAN PERMOHONAN**

### **8.1 Kriteria penilaian**

- Keutamaan diberikan kepada projek berimpak tinggi yang menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti serta dapat menghasilkan perpindahan ilmu yang memberi impak kepada rakan strategik.
- Keutamaan juga diberi kepada;
  - i. Cadangan projek yang kompetitif atau
  - ii. Projek yang merupakan niche UPM serta projek-projek strategik negara (national interest) bagi kepentingan negara; atau
  - iii. Projek yang merangkumi isu-isu dan memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan / sains sosial bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sejagat; atau
  - iv. Projek yang akan dapat menambah baik sesuatu polisi dan metodologi penyelesaian yang sedia ada.
  - v. Pemberian geran diberikan keutamaan kepada projek komuniti yang melibatkan 70% aktiviti pemindahan ilmu dan 30% aktiviti penyelidikan.

## **9. PROSES PENILAIAN**

- Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang akan ditetapkan oleh urusetia geran UCTC.
- Urusetia geran UCTC dan jawatankuasa penilaian akan memberikan maklumbalas hasil penilaian tersebut berdasarkan kriteria ditetapkan.
- Segala keputusan akhir adalah diputuskan oleh pihak pengurusan di PTJ dan ianya adalah muktamad.

## **10. PENERBITAN DAN PUBLISITI**

- Setiap projek diwajibkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dalam bentuk penulisan artikel/jurnal/prosiding sebelum/selepas tamat tempoh projek.
- Penerbitan video pendek (berdurasi 1-3 minit) adalah sangat digalakkan bagi tujuan promosi dan publisiti.

## **11. LAMPIRAN**

- Contoh Penarafan Bintang Aktiviti Jaringan Komuniti (Star Rating) L3
- Resume (Curriculum Vitae) L4



SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC)  
Urusetia Geran KTGS@PTJ  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Tel: 03-9769 6718 / 1829 / 1847  
E-mel: [uctc.ktgspjt@upm.edu.my](mailto:uctc.ktgspjt@upm.edu.my)